

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2004/2005

Oktober 2004

**HMT 229 – Linguistik Sejarah dan Perbandingan Bahasa
Austronesia**

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan. Semua soalan **Bahagian A WAJIB** dijawab dan jawab **SATU** soalan pilihan daripada **Bahagian B**.

Bahagian A

1. Teliti jadual berikut dan jawab soalan (a) DAN (b).

Bil.	Bahasa Austronesia purba	Bahasa Miriek
(1)	*bulu	buluh
(2)	*batu	bataoh
(3)	*dahen	daun
(4)	*darah	daghek
(5)	*hatai	atai
(6)	*hatap	sap
(7)	*kutu	gutaoh
(8)	*patai	mataeh
(9)	*penuh	fenaok
(10)	*tahu	ta'an
[11]	*talinga	talingah
[12]	*tanah	tanak
[13]	*(t)uhu(dj)	tut

Sumber: Noriah Mohamed (2004: 10-11)

- (a) Berdasarkan jadual di atas deskripsikan perubahan bersyarat yang berlaku terhadap konsonan *h* bahasa Miriek.
[20 markah]
- (b) Apakah maksud perubahan bersyarat dalam konteks perubahan konsonan *h* di atas?
[5 markah]

2. Jawab (a) DAN (b).

- (a) Menurut Labov (1972), perubahan bahasa juga berlaku dari atas kesedaran yakni *perubahan dari atas*. Berdasarkan contoh bahasa yang anda tahu, huraikan kenyataan ‘perubahan dari atas’.
[10 markah]
- (b) Dengan menggunakan contoh-contoh yang sesuai daripada bahasa Austronesia, bincangkan perkara di bawah:
- (i) Pemecahan fonemik
 - (ii) Pemecahan alofonik
 - (iii) Peleburan fonemik

[15 markah]

3. Kaedah kajian leksikostatistik dan glotokronologi telah digunakan untuk melihat hubungan kekerabatan dan jangka masa pisah antara bahasa-bahasa atau dialek-dialek. Senarai kosa kata Swadesh (1955) digunakan untuk kedua-dua kajian tersebut.
- (a) Apakah ciri-ciri senarai kata Morris Swadesh,
(b) Apakah yang dimaksudkan dengan retensi dan inovasi,
(c) Sebutkan langkah-langkah untuk menjalankan kajian leksikostatik dan glotokronologi untuk membandingkan mana-mana dua bahasa Austronesia.

[25 markah]

Bahagian B

4. Hipotesis linguistik sejarah dan perbandingan menyatakan bahawa persamaan dan kemiripan yang wujud antara bahasa disebabkan bahasa-bahasa berkenaan mempunyai hubungan sanak. Bagaimanakah anda menjelaskan secara terperinci hubungan sanak yang dimaksudkan ini?
- [25 markah]
5. Jawab soalan (a) DAN (b)
- (a) Bagaimanakah teori pohon dan teori gelombang dapat dimanfaatkan untuk menguraikan peringkat dialek dalam perkembangan bahasa?
- [13 markah]
- (b) Apakah faktor-faktor lain selain faktor genetik yang boleh mewujudkan kesamaan antara bahasa?
- [12 markah]

6. Jawab (a), (b) DAN (c).

Jenis-jenis perubahan bunyi yang sering diperkatakan ialah perubahan-perubahan yang melibatkan ciri-ciri distingtif dan segmen-segmen. Berdasarkan contoh-contoh daripada dialek bahasa Melayu yang anda tahu,uraikan rumus-rumus perubahan bunyi di bawah.

- (a) $r \rightarrow w / \underline{\quad} \#$

[7 markah]

(b) $r \rightarrow \square / \underline{\quad} \#$

[7 markah]

(c) $s \rightarrow h / \begin{bmatrix} a \\ u \end{bmatrix} \#$

[11 markah]

- 000 0 000 -